

NO. SOALAN: 511

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

RUJUKAN : 7315

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pihak yang bertanggung jawab memantau dan mengambil tindakan terhadap pengedaran bekalan najis dadah di kalangan penghuni Pusat Serenti seluruh negara.

JAWAPAN:

AADK melaksanakan tugas merawat, memulih, mencegah dan melaksanakan perundangan terhadap klien yang terlibat dengan dadah berdasarkan Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983, Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 (Akta 638) dan Peraturan-Peraturan & Kaedah-kaedah Pusat Pemulihan 1983.

Klien yang telah ditangkap dan dijatuhkan perintah untuk menjalani rawatan dan pemulihan di PUSPEN / *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) oleh Majistret melalui peruntukan Seksyen 6(1)(a) Akta Penagih Dadah 1983 mestilah terikat dengan syarat-syarat dan peraturan Pusat Pemulihan.

Semua PUSPEN / CCRC AADK telah diwartakan di bawah Penubuhan Pusat Pemulihan. Sekiranya aktiviti pengedaran dadah di kalangan penagih berlaku di dalam PUSPEN / CCRC, adalah menjadi tanggungjawab Pihak Pengurusan PUSPEN / CCRC untuk mengambil tindakan dan membuat laporan terhadap aktiviti pengedaran tersebut kepada pihak polis.

Di dalam Peraturan-Peraturan & Kaedah-Kaedah Pusat Pemulihan Dadah 1983, di Bahagian VI di bawah Kaedah 34 menegaskan berkaitan Larangan Keras terhadap pegawai dan kakitangan yang membekal, memberi atau menjadi ejen kepada klien di dalam Pusat.